



**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892639
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/4 (57)
Tarikh : 23 Februari 2026

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/

YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2026 sebanyak RM500 bagi membantu penjawat awam dan pesara dalam membuat persiapan menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran BKK adalah seperti berikut:

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam, Gred 15 dan ke bawah atau setara:
 - a) pegawai lantikan tetap, sementara dan lantikan kontrak [*Contract of Service* (COS) dan Pekerja Sambilan Harian]¹;
 - b) pegawai yang bercuti bergaji penuh²;
 - c) pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - d) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - e) pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya, yang mana BKK ini akan dibayar oleh agensi yang meminjam pegawai berkenaan.
- (ii) personel MySTEP yang masih berkhidmat;
- (iii) guru interim;
- (iv) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- (v) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.

¹ Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

² Termasuk Cuti Perubatan Khas.

3.2 Di samping itu, BKK ini dipanjangkan kepada pesara Kerajaan, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM250 seperti berikut:

- (i) pesara Kerajaan yang menerima pencen termasuk pesara yang bersara secara pilihan dan belum menerima pencen, penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen, dan pesara skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/ 56/ 58/ 60 tahun), atau bersara atas sebab kesihatan. Pembayaran BKK akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (ii) veteran berpencen dan tidak berpencen yang mana akan dibayar oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Kementerian Pertahanan Malaysia.

3.3 Bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara dan COS yang masih berkhidmat layak dibayar sebanyak RM500. Dalam hal ini, pembayaran sebanyak RM250 akan dibuat oleh JPA atau JHEV, dan baki sebanyak RM250 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

3.4 Seterusnya, pegawai yang meninggal dunia pada **13 Mac 2026** layak menerima BKK sebanyak RM500 yang akan disalurkan kepada waris gemulah.

4. Untuk perhatian YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, BKK Tahun 2026 ini akan dibayar pada **13 Mac 2026**, dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat

pada tarikh pembayaran tersebut. Pemberian BKK ini akan dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

5. Sehubungan itu, tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan dalam surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MOHD BAKHARI BIN ISMAIL)

s.k.:

YBHG. TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

YBHG. DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 10, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

YBHG. DATO' ZAINANI BINTI JUSOH

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 8, Bahagian Pengurusan Tertinggi
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA